

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**Pada 26 November 2014** yang lalu, YAB Perdana Menteri telah membentangkan Kertas Putih yang bertajuk “Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan *Islamic State*” di Dewan yang mulia ini bagi memaklumkan kepada rakyat tentang bahaya dan seriusnya ancaman Kumpulan IS terhadap keselamatan negara. Di dalam pembentangan tersebut juga, Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk dari pihak pembangkang telah bersetuju supaya satu undang-undang baru yang khusus bagi menangani isu ancaman pengganas diwujudkan serta memperkasakan undang-undang sedia ada iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Sehubungan itu, saya percaya kenyataan saya ini telah menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Temerloh tentang keperluan untuk membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 di Dewan Yang Mulia ini. Undang-undang ini bertujuan untuk mencegah sesuatu perkara yang buruk daripada berlaku dan mengorbankan nyawa serta harta benda.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang menggubal Modul Pemulihan ke atas kumpulan militan yang ditangkap dan ditahan. Harapan Kerajaan ialah untuk meneutralkan semula

**konsep-konsep jihad agar mengikut ajaran Islam yang sebenarnya. Usaha yang dijalankan oleh Kerajaan ini akan dapat mengembalikan mereka ke pangkuan masyarakat.**

**Sekiranya tiada halangan, Rang Undang-undang ini akan dibentangkan di dalam sidang ini. Akhir sekali, saya menyeru semua Ahli Yang Berhormat untuk menyokong Rang Undang-undang yang akan dibentangkan nanti.**